

# Soal MB: Jaafar jumpa Dr. M esok

KANGAR, Ahad — Kedudukan Datuk Haji Jaafar Hassan sebagai Menteri Besar Perlis akan diketahui selepas beliau menemui Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d di ibunegara, Selasa ini.

Di perjumpaan itu, Datuk Haji Jaafar akan membincangkan kedudukannya dan suasana politik Perlis secara tertutup dengan Perdana Menteri.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Encik Ahmad Haji Said berkata hari ini, Datuk Haji Jaafar akan bertolak ke Kuala Lumpur dengan kapal terbang pagi esok.

Beliau juga akan berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam sebelum menemui Datuk Seri Dr. Mahathir.

"Sebarang keputusan yang dibuat kelak akan meredakan semua spekulasi mengenai kedudukan Datuk Haji Jaafar Hassan sebagai Menteri Besar, tambahnya.

Datuk Haji Jaafar sering melahirkan hasratnya untuk melepaskan jawatan Menteri Besar atas alasan kesihatan tetapi hasratnya dikatakan tidak dipersetujui oleh kalangan tertentu.

Sementara itu, difahamkan Jawatankuasa Bertindak Cawangan-cawangan UMNO Kawasan Bintong — kawasan pilihanraya yang diwakili oleh Datuk Haji Jaafar — akan menghantar tiga orang wakil menemui Perdana Menteri mengenai kedudukan Datuk Haji Jaafar. — Bernama.